

CO-OPBANK PERTAMA (CBP) JAYAKAN PROGRAM SUNATHON

2025: RINGANKAN BEBAN, PERKUKUH KOMUNITI

1. Co-opbank Pertama (CBP) terus membantu bagi meringankan beban golongan yang memerlukan menerusi Program Sunathon Mega 2025 yang diadakan pada 14 September 2025 di Dewan Serbaguna Perumahan Awam (PA) Desa Rejang, Kuala Lumpur.
2. Program ini adalah kerjasama antara CBP, Persatuan UMBI Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan berkhatah secara selamat dan teratur.
3. Program Sunathon Mega 2025 ini melibatkan lebih 40 kanak-kanak lelaki yang berusia antara 5 hingga 14 tahun serta lebih 20 petugas termasuk doktor pakar daripada Persatuan UMBI serta kakitangan JKM WPKL.
4. Khairil Anuar Mohammad Anuar, Ketua Pegawai Eksekutif CBP berkata "Program yang dianjurkan hari ini bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan perubatan dan tuntutan agama, tetapi menunjukkan sikap keprihatinan dan tanggungjawab CBP untuk membantu meringankan beban Masyarakat yang kurang berkemampuan".
5. Tambahan lagi, program ini mencerminkan komitmen berterusan CBP dalam menyokong kesihatan komuniti serta memperkukuh hubungan silaturahim antara penduduk setempat.

-TERIMA KASIH

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my